

DATE: 30/01/2008

Bukan angan-angan – PM

UM-30/1/2008

Oleh JAMDI NASIR dan ZULHISHAM ISHAK

KOTA KINABALU 29 Jan. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, pelan pembangunan koridor ekonomi yang dilaksanakan oleh kerajaan bukan satu 'angan-angan Mat Jenin' atau cerita dongeng untuk dihebahkan kepada rakyat.

Menurut Perdana Menteri, rangka tindakan tersebut adalah satu perancangan jangka panjang yang realistik bagi memastikan proses pembangunan dapat dilaksanakan secara konsisten dan bersungguh-sungguh.

"Ini bukan angan-angan Mat Jenin, ini bukan cerita dongeng dan bukan untuk berhibur. Kita membuat satu perancangan yang serius dan tersusun sebab kita mahu menjayakan program membe-la nasib rakyat.

"Kita minta doa daripada Allah supaya perancangan ini berjaya kerana negeri seperti Sabah ini mempunyai potensi besar untuk maju dan berjaya seperti negeri lain," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap melancar Rangka Tindakan Koridor Pembangunan Sabah (SDC) di Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sedar perancangan itu bakal berhadapan dengan pelbagai cabaran dan berjanji akan berusaha memastikan pelaksanaannya dapat mencapai kejayaan.

Beliau berkata, faedah daripada pelan pembangunan koridor ekonomi itu dijangka akan melimpah ke seluruh negeri dan meliputi pelbagai lapisan rakyat.

Katanya, pelaksanaan SDC memberi keutamaan kepada kebajikan rakyat dan tidak akan ada mana-mana kaum atau kumpulan tersisih daripada arus pembangunan yang berlaku.


"Atas dasar inilah saya menerima usul Ketua Menteri (Datuk Seri Musa Aman) agar SDC yang dirancang meliputi seluruh negeri Sabah," ujar beliau.

Menyentuh perkara lain, Abdullah berkata, kerajaan dengan pengalaman mengharungi pelbagai krisis akan berusaha gigih memastikan kedudukan ekonomi kekal baik walaupun terdapat cabaran kemelesetan ekonomi di negara lain.

Beliau berkata, Malaysia dengan rekod cemerlang yang ada terpaksa berhadapan dengan cabaran mendatang termasuk kelembapan ekonomi yang mungkin berlaku.

Katanya, negara mempunyai asas ekonomi yang kukuh hasil dasar mesra kerajaan dan kepelbagaian sumber ekonomi dan pasaran yang dilaksanakan selama ini.

"Saya rasa kita dapat menguruskan ekonomi dengan baik dan dengan rizab RM101 bilion, kita telah diiktiraf sebagai negara kesembilan yang mempunyai pencapaian terbaik dunia," katanya.



ABDULLAH Ahmad Badawi tersenyum selepas Musa Aman (kanan) menghadihkan tongkat kepadanya semasa majlis pelancaran Koridor Pembangunan Sabah (SDC) di Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar dekat Kota Kinabalu, semalam.

– Gambar GHAZALI BASRI